



JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

GARIS PANDUAN

**PELAKSANAAN SOLAT JEMAAH, SOLAT JUMAAT, SOLAT
JENAZAH SERTA AKTIVITI KEAGAMAAN MASJID DAN
SURAU SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP), PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

BERKUATKUASA

10 FEBRUARI 2021

1. PENDAHULUAN

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak telah membenarkan Masjid, Surau Diri Jumaat, Surau untuk mendirikan solat Solat Fardhu Berjemaah, Solat Jumaat dan Solat Jenazah menjalankan beberapa aktiviti keagamaan.

Walau bagaimanapun, akibat dari penularan wabak COVID-19 di negara semakin meningkat, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan disambung bermula 22 Januari 2021 sehingga 18 Februari 2021 (tertakluk kepada perubahan).

2. TUJUAN

Garis panduan Pelaksanaan Solat Jemaah, Solat Jumaat, Solat Jenazah Serta Aktiviti Keagamaan Masjid Dan Surau Di Negeri Perak Darul Ridzuan Sepanjang Tempoh, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Negeri Perak Darul Ridzuan disediakan adalah sebagai panduan kepada masyarakat dalam negeri Perak untuk menunaikan ibadah tersebut.

3. OBJEKTIF

- 3.1** Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan pelaksanaan tugas mengikut ketetapan yang ditentukan.
- 3.2** Mengatur masyarakat agar mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak bagi menunaikan Solat Jumaat, Solat jemaah, Solat Jenazah dan Aktiviti Keagamaan.
- 3.3** Memastikan tiada jangkitan kluster atau penyebaran wabak di kalangan ahli Jemaah masjid dan surau.

4. PANDUAN SOLAT JEMAAH, SOLAT JUMAAT, SOLAT JENAZAH SERTA AKTIVITI KEAGAMAAN

Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam mengawal penularan wabak COVID-19 dan meraikan nasihat hukum, keselamatan dan kesihatan yang diberikan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berikut adalah panduan ketetapan yang hendaklah dipatuhi:-

- 4.1 Solat Jumaat dibenarkan** di semua masjid dan surau, termasuk surau-surau dalam bangunan pejabat, sekolah dan kilang seluruh negeri Perak. **Bilangan jemaah yang dibenarkan adalah 120 orang jemaah tidak termasuk pegawai masjid dan anggota jawatankuasa kariah dengan menetapkan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter di antara jemaah.**

- 4.2 Solat berjemaah pada setiap solat fardu dibenarkan** di semua masjid dan surau, termasuk surau-surau dalam bangunan pejabat, sekolah dan kilang seluruh negeri Perak. **Bilangan jemaah yang dibenarkan adalah 120 orang jemaah tidak termasuk pegawai masjid dan anggota jawatankuasa kariah dengan menetapkan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter di antara jemaah.**
- 4.3 Solat jenazah berjemaah dibenarkan** di semua masjid dan surau seluruh negeri Perak. **Bilangan jemaah yang dibenarkan adalah 120 orang jemaah tidak termasuk pegawai masjid dan anggota jawatankuasa kariah dengan menetapkan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter di antara jemaah.**
- 4.4 Bagi Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak), Ipoh, Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh, Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar dan Masjid Daerah Tapah, Manjung, Parit Buntar, Kuala Kangsar, Taiping, Teluk Intan, Gerik, Muallim, Bagan Datuk, Batu Gajah, Kampar dan Seri Iskandar dibenarkan had maksimum 250 orang jemaah tidak termasuk pegawai masjid dan anggota jawatankuasa kariah dengan menetapkan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter di antara jemaah.**
- 4.5 Bagi masjid dan surau yang terletak di dalam kawasan Kem Tentera dan Polis, dibenarkan menerima maksimum 250 orang jemaah dengan menetapkan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter di antara jemaah dengan mengutamakan dan menghadkan kepada para anggota yang tinggal dalam kawasan kem berkaitan.**
- 4.6 Bagi masjid dan surau yang terletak di dalam kawasan kampus universiti, maktab, kolej dan politeknik, dibenarkan menerima maksimum 250 orang jemaah dengan menetapkan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter di antara jemaah dengan mengutamakan dan menghadkan kepada warga kampus sahaja.**
- 4.7 Berpandukan Garis Panduan Operasi yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM, TIDAK DIBENARKAN aktiviti sosial dan keagamaan diadakan di masjid dan surau dalam kawasan yang diisytiharkan berada dalam kategori PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD). Dengan itu semua aktiviti agama termasuk mendirikan Solat Jumaat dan Solat Jemaah TIDAK DIBENARKAN di masjid dan surau dalam kawasan yang telah diisytiharkan PKPD.**
- 4.8 Kehadiran menunaikan solat hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia sahaja.** Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.

- 4.9** Pelaksanaan solat fardhu lima waktu yang dilaksanakan secara berjemaah dan aktiviti keagamaan di seluruh masjid, surau diri jumaat dan surau dalam negeri Perak **tidak dibuka kepada muslimah.**
- 4.10** Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau hendaklah meletakkan jumlah bilangan jemaah seramai mengikut seperti yang telah ditetapkan di pintu masuk masjid dan surau masing-masing.
- 4.11** Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau hendaklah memastikan segala garis panduan yang ditetapkan seperti memakai penutup hidung dan mulut, membawa sejadah bersaiz besar, mengamalkan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter di antara jemaah dan mendaftarkan kehadiran diri, dipatuhi oleh semua jemaah untuk mengelakkan dari sebarang tindakan penguatkuasaan.
- 4.12** Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau hendaklah memberikan peringatan dan penerangan ringkas kepada Jemaah untuk mematuhi garis panduan sebelum solat Jumaat, solat berjemaah pada setiap solat fardu dan aktiviti keagamaan dimulakan.
- 4.13** Digalakkan kepada jemaah membawa **karung / uncang / plastik hitam** untuk dibawa ke dalam ruang solat ketika hendak menunaikan solat. Digalakkan juga Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau **menyediakan karung / uncang / plastik berwarna hitam untuk kegunaan Jemaah menyimpan kasut bagi mengelakkan kesesakan di hadapan pintu masjid dan surau.**
- 4.14** Tidak dibenarkan diadakan sebarang acara jamuan dalam masjid dan surau termasuk di perkarangan masjid dan surau.
- 4.15** **Hanya aktiviti keagamaan kuliah pengajian antara solat maghrib dan solat isyak sahaja DIBENARKAN.** Aktiviti tersebut hendaklah dihentikan sebaik masuk waktu solat isyak.
- 4.16** Kuliah ilmu tidak melebihi 20 minit, dibenarkan untuk dianjurkan kepada jemaah yang berada di dalam masjid dan surau sementara menanti azan solat jumaat.

5. KAEDAH PELAKSANAAN

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	SEBELUM SOLAT	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melantik di kalangan Jawatankuasa Kariah / Pegawai Masjid sebagai petugas bagi memastikan semua arahan dipatuhi. 2. Meletakkan 2 orang petugas pada setiap kali waktu solat sehinggalah iqamat dikumandangkan. Petugas tersebut hendaklah menjaga kaunter pendaftaran bagi memastikan jemaah yang mempunyai suhu badan 37.5 darjah celcius ke atas tidak dibenarkan menunaikan solat di masjid dan surau. 3. Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran Jemaah. 4. Memastikan semua jemaah yang hadir memakai penutup hidung dan mulut (face mask). 5. Memastikan semua jemaah membawa sejadah bersaiz besar. 6. Digalakkan untuk menyediakan karung / uncang /plastik hitam untuk kegunaan jemaah menyimpan kasut untuk mengelakkan keadaan bersesak di hadapan pintu masjid atau surau. Kasut tersebut hendaklah dibawa ke dalam ruang solat. 7. Jemaah yang dibenarkan terbatas kepada warganegara Malaysia lelaki dalam lingkungan usia 16 hingga 70 tahun. 8. Memastikan jemaah bebas dari simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya. 9. Menyemak kad pengenalan jemaah dan memastikan jemaah yang dipilih menulis nama dan no telefon pada buku rekod yang disediakan bagi tujuan perekodan sebelum masuk ke ruang solat. 10. Saf solat disusun berdasarkan jarak fizikal iaitu sekurang-nya satu (1) meter antara jemaah yang telah dibuat penandaan terlebih dahulu. ruang solat dengan membuka semua jendela 	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	SEBELUM SOLAT	<ol style="list-style-type: none"> 11. Memastikan aliran pengudaraan di dalam dan menggunakan kipas angin 12. Tidak membenarkan yang masih dalam tempoh PUI dan PUS COVID-19 untuk solat. 13. Ditandakan tanda pandu arah masuk dan keluar. 14. Hanya satu pintu masuk dan beberapa pintu keluar dibenarkan dibuka dengan kawalan pengawal keselamatan / Jawatankuasa Kariah bagi mengawal laluan. 15. Bagi solat fardhu, pintu masjid dibuka 30 minit sebelum azan dilaungkan dan akan dikunci sebelum iqamat dilaungkan. 16. Bagi solat Jumaat, pintu masjid dan surau dibuka 1 jam sebelum masuk waktu solat Jumaat dan ditutup selepas azan kedua. 17. Hanya dewan solat sahaja dibuka, manakala ruangan lain hendaklah ditutup. 18. Solat qabliah dan ba'diyah dibenarkan. 	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU
2.	SEBELUM SOLAT	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jemaah yang dibenarkan terbatas kepada warganegara Malaysia lelaki dalam lingkungan usia 16 hingga 70 tahun. 2. Jemaah digalakkan menggunakan aplikasi <i>MySejahtera</i> yang boleh dimuat turun melalui <i>Play Store</i> atau <i>App Store</i>. 3. Diwajibkan membawa kad pengenalan untuk diperiksa oleh pengurusan masjid sebelum memasuki ruang solat. 4. Bebas dari simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya. 5. Mengambil wuduk dari rumah sebelum hadir ke masjid. 6. Digalakkan membawa karung / uncang / plastik hitam untuk menyimpan kasut ketika solat. 7. Diwajibkan membawa sejadah bersaiz besar dari rumah. 8. Jemaah yang bertongkat, berkerusi roda dan mempunyai masalah pergerakan tidak digalakkan hadir. 9. Jemaah dibenarkan solat qabliah dan ba'diyah 	JEMAAH

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
2.	SEBELUM SOLAT	<ol style="list-style-type: none"> 10. Jemaah dibenarkan solat tahiyatul masjid sahaja dan tidak dibenarkan untuk melaksanakannya di surau diri jumaat dan surau. 11. Jemaah yang ingin membaca Al-Quran, hendaklah membawa mushaf sendiri atau membacanya dari gajet sendiri. 12. Kekal dalam jarak fizikal semasa pergerakan masuk saf. 13. Hendaklah terus keluar dari perkarangan masjid setelah selesai solat mengikut pintu keluar yang ditetapkan. 	JEMAAH
3.	SELEPAS SOLAT	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya satu pintu masuk dan beberapa pintu keluar dibenarkan dibuka dengan kawalan pengawal keselamatan / Jawatankuasa Kariah bagi mengawal laluan. 2. Tiada sebarang perkumpulan dibenarkan sebelum dan selesai solat. 3. Hendaklah membuat rondaan dan pemeriksaan di dalam, di luar dan sekitar perkarangan Masjid atau surau untuk memastikan tiada jemaah yang berkumpul. 4. Memastikan jemaah mengamalkan jarak fizikal. 5. Memastikan bilangan pegawai keselamatan atau Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau yang cukup bagi mengawal dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. 6. Memastikan pintu masjid dan pintu pagar dikunci segera selepas selesai solat. 	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU
4.	SELEPAS SOLAT	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekal dalam jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter semasa pergerakan keluar saf. 2. Bersurai dalam keadaan tenang melalui pintu keluar yang ditetapkan sambil mematuhi penjarakan fizikal. 3. Tidak bersalaman sepanjang berada di kawasan Masjid dan Surau. 4. Hendaklah terus pulang dan tidak berkumpul di luar setelah selesai solat. 5. Amalan iktikaf di masjid selepas solat adalah tidak dibenarkan. 	JEMAAH

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
5.	AZAN DAN IQAMAT	1. Hendaklah melaungkan azan seperti biasa. 2. Hendaklah membawa sejadah bersaiz besar.	BILAL
6.	SOLAT, ZIKIR DAN DOA	1. Solat fardhu berjemaah dilakukan selama 10 minit mengikut kewajaran. 2. Hendaklah membawa sejadah bersaiz besar.	IMAM
7.	NYAH KUMAN	Masjid dikehendaki melaksanakan aktiviti nyahkuman sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 kali sebulan	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

6. PENUTUP

Garis Panduan ini terpakai dan berkuat kuasa 10 Februari 2021 sehingga dikeluarkan apa-apa ketetapan baharu.

Mohon kerjasama daripada semua pihak untuk sama-sama membantu meringankan beban berat yang sedang digalas oleh para petugas Kementerian Kesihatan Malaysia ketika ini. Antara cara untuk meringankan beban tugas mereka boleh dibuktikan melalui amalan jarak fizikal, meminimumkan bilangan kehadiran dalam sesuatu acara, tidak menganjurkan atau menghindarkan acara-acara berbentuk perhimpunan.

Garis Panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua masyarakat sama ada Jawatankuasa Kariah dan Surau, Pegawai Masjid dan Jemaah Kariah. Sebarang pelanggaran terhadap arahan dan tatacara ini akan dikenakan tindakan sewajarnya.

DIKELUARKAN OLEH:


DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN
PENGARAH, JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
09 FEBRUARI 2021